

KEPUTUSAN TEPAT

*Dr Shahrom gembira dapat bantu keluarga
Muhammad Adib cari kebenaran*

Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

"**S**aya bersyukur kepada Allah SWT atas ketentuan untuk keputusan kes inkes Allahyarham Muhammad Adib," itu kata Pakar Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr Shahrom Abd Wahid.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Mahkamah Koroner kelmarin yang memutuskan punca kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim, akibat impak perbuatan jenayah disebabkan dua atau lebih lelaki yang tidak dikenali.

Dr Shahrom yang juga saksi inkuet ke-29 berkata, dirinya gembira kerana dapat membantu keluarga Muhammad Adib mencari kebenaran.

"Saya gembira untuk keluarga beliau dan saya juga berpendapat keputusan Mahkamah Koroner adalah tepat," katanya ketika dihubungi.

Kelmarin Koroner Rofiah Mohamad membuat keputusan dengan menerima keterangan Dr Shahrom



Saya bersyukur kepada Allah SWT atas ketentuan untuk keputusan kes inkes Allahyarham Muhammad Adib"

Dr Shahrom



yang menyatakan mangsa dihentak dan diheret keluar dari van bomba pada masa kejadian.

Selain itu, Rofiah merumuskan kegagalan polis dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) mengawal rusuhan turut menyumbang kepada kematian Muhammad Adib.

Sehubungan itu, Mahkamah Koroner menyerahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Peguam Negara untuk melakukan siasatan serta pendakwa-

an. Prosiding inkuet terbabit berlangsung selama 41 hari bermula 11 Februari lalu dan menyaksikan 30 saksi memberi keterangan dengan 137 eksibit dikemukakan.

Ia dikendalikan Pegawai Pengendali, Faten Hadni

Khairuddin manakala keluarga Muhammad Adib diwakili peguam Syazlin Mansor, Yahaya Othman, Kamaruzaman A Wahab dan Ahmad Taufiq Baharum.

Tiga Peguam Kanan Persekutuan iaitu Suzana Atan, Mazlifah Ayob dan Fadzilatul Isma Ahmad Rafngah dan Afiq Zainal Abidin mewakili Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Muhammad Adib, 24, anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya, parah dalam rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November 2018.

Kerajaan Kedah sedia bantu keluarga Adib

Alor Setar: Kerajaan sedia memberikan khidmat sewajarnya kepada keluarga arwah Muhammad Adib Mohd Kassim, 24, susulan keputusan inkuet berkaitan kematian anggota bomba itu kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Tan Kok Yew berkata, pihaknya sedia membantu dari segi kaunseling sekiranya memerlukan.

Menurutnya, meskipun sudah ada keputusan, ia masih memerlukan siasatan daripada polis.

"Justeru, kita akan ber-



TAN

temu keluarga dalam tempoh terdekat selain menghulurkan bantuan yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Kempen Keselamatan Kebakaran dan Pe-

lancaran Program Suri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah di Padang Taman Kota Nelayan, Kuala Kedah, semalam.

Hadir sama, Pengarah JBPM Kedah Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Sayani Saidon, Timbalannya Penolong Pesuruhjaya Bomba Syufa'at Kamaron dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kubang Rotan Asmirul Anuar Aris.

Sementara itu, Sayani berkata, tujuan kempen program itu untuk memberi pendidikan kepada umum bagi mengurangkan dan mencegah kebakaran.